

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 MAC 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Switch off for earth hour	The Star
2	Khidmat Presiden SIRIM disambung	Utusan Malaysia
3	Teknologi Park bantu pelajar bina kerjaya dalam sains & Teknologi	Bernamea.com

Switch off for Earth Hour

Events to shed light on environmental awareness



By KATHLEEN MICHAEL
kathleen@thestar.com.my

FROM 8.30pm to 9.30pm today, millions of people around the world will illuminate the dark with candles and lanterns to observe Earth Hour.

The stand against abusing Mother Nature began with WWF Australia in 2007, whose lights-out move to create awareness on climate change inspired other countries to follow suit.

Since then, Earth Hour has been observed on the last Saturday of March from 8.30pm, local time in each country.

Apart from just switching off non-essential lights, WWF encouraged people to participate in the celebration by organising environmentally fun events.

In Malaysia, some government and public companies have taken up this call to organise events that will shed new light on the effects of human actions on climate change and get them committed to caring for the environment.

1. National Space Agency

The National Space Agency (Angkasa), an agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, will organise a Night@Planetarium event from 7.30pm to 10.30pm. It is open to the public and is free.

The event, now in its sixth year, will see an astrophotography exhibition, viewing planets and the moon in a night observation, and a do-it-yourself planet lantern and model orrery for children.

Other activities include screening of the movie *Gravity* in an outdoor cinema and a forum on light pollution.



Glowing with hope: The dark halls of the National Planetarium will be illuminated with candles and lanterns from 8.30pm to 9.30pm tonight.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 28 MAC 2015 (SABTU)

Khidmat Presiden SIRIM disambung

KUALA LUMPUR 27 Mac - Khidmat Presiden SIRIM Berhad, Datuk Zainal Abidin Mohd. Yusof dilanjutkan dua tahun lagi berkuat kuasa 1 Februari lalu.

SIRIM dalam satu kenyataan di sini memberitahu, Zainal Abidin yang juga Ketua Eksekutif SIRIM telah menerajui badan itu sejak 1 Februari 2012.

"Beliau telah memperkenalkan Program Transformasi SIRIM pada tahun 2013 yang merupakan sebuah pelan lima tahun bagi menggiatkan organisasi penyelidikan, teknologi dan kualiti yang telah berusia 40 tahun agar selari dengan perubahan ekonomi negara ini yang pesat membangun," kata kenyataan itu.

Zainal Abidin memulakan kerjaya di SIRIM pada tahun 1981 sebagai Pegawai Penyelidik dan kepakaran beliau terserlah dalam penyelidikan bioteknologi sekali gus menyumbang kepada perkhidmatan organisasi yang komprehensif dalam beberapa aspek.

Antara aspek tersebut ialah dalam bidang formulasi produk, penilaian keselamatan, reka bentuk pembungkusan, pengeluaran skala perintis, reka bentuk kilang dan pengeluaran berskala komersial bagi industri.



Teknologi Park Bantu Pelajar Bina Kerjaya Dalam Sains & Teknologi

BOTA, 27 Mac (Bernama) -- [Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd \(TPM\)](#) menubuhkan sudut sains dan teknologi serta ruang pameran berkaitan subjek itu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lambor Kiri bagi membantu pelajar luar bandar membina kerjaya dalam bidang berkenaan.

[Pengurus Komunikasi Korporatnya Aniz Adura Abdul Majid](#) berkata TPM bersetuju membantu pihak sekolah mewujudkan ruang itu bagi menyebarkan maklumat berkaitan sains dan teknologi dalam usaha untuk mendidik, menggalak dan memberi inspirasi kepada pelajar.

Beliau berkata adalah penting untuk meyakinkan pelajar luar bandar bahawa mereka juga boleh cemerlang seperti rakan mereka di bandar jika diberi peluang.

"Daripada dialog awal kami dengan Guru Besar SMK Lambor Kiri, kita mengetahui bahawa kebanyakan anak-anak ini masih ketinggalan dalam mata pelajaran sains dan teknologi.

"Apabila ditanya tentang cita-cita, mereka setakat berpuas hati untuk membantu ibu bapa masing-masing dalam apa jua bidang yang mereka ceburi selepas tamat tingkatan lima," katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Justeru, beliau berkata masyarakat mempunyai peranan untuk merapatkan jurang sosioekonomi ini dengan menggalakkan anak-anak masing-masing menikmati masa depan yang lebih baik seperti rakan mereka di bandar menerusi tumpuan kepada sains dan teknologi.

Katanya, TPM sebagai pemacu sains, teknologi dan inovasi, telah menarik penyelidik serta industri dari pelbagai sektor pertumbuhan berganda, memiliki peralatan canggih dan makmal yang diperlukan selain menyediakan sokongan pengkomersialan profesional.

SMK Lambor Kiri dipilih untuk program TPM hasil rundingan dengan Anggota Dewan Undangan Negeri Bota Datuk Nasruddin Hashim.

Sementara itu, [Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM Datuk Ir Mohd Azman Haji Shahidin](#) berkata pendekatan ini merupakan sebahagian program tanggungjawab sosial korporat syarikat dalam membantu sekolah dan penduduk luar bandar memanfaatkan sains, teknologi serta inovasi dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka.

"Selama bertahun-tahun, kami telah menyediakan lebih daripada 30 inisiatif CSR di seluruh negara dalam memberi inspirasi dan mendidik penduduk luar bandar untuk menggunakan sains dan teknologi demi meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.